



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON 22, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Tuan Ng Kok Chuan telah dilantik sebagai Ahli Majlis Zon 22, Majlis Perbandaran Selayang berkuatkuasa 28 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2022. Majlis angkat sumpah terima jawatan ini telah disempurnakan pada hari ini di hadapan Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman, Pemangku yang Dipertua MPS.

Beliau telah diberi tanggungjawab sebagai Ahli Majlis Zon 22 iaitu melibatkan kawasan Taman Amansari, Taman Tiara Putra, Taman Tiara Putri, Bukit Rahman Putra 7/1, 7/2 dan 7/3, Taman Villa Putra, Kawasan Industri Sungai Buloh Jaya, Kawasan Industri Kampung Jaya, Kawasan Industri Putra, Pinggiran Rahman Putra, Taman Tropika Putra, Taman Idaman Putra, Taman Azalea Putra. Beliau juga akan menganggotai Jawatankuasa Kemasyarakatan, Jawatankuasa Pengindahan Bandar dan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.

Tuan Ng Kok Chuan yang berumur 58 tahun adalah merupakan seorang ahli perniagaan dan mengisi kuota Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai Ahli Majlis MPS Zon 22. Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MPS selama empat penggal bermula tahun 2011 hingga 2020. Untuk makluman, pelantikan pada hari ini telah melengkapkan kesemua 24 orang Ahli Majlis MPS bagi tahun 2022.

Adalah menjadi harapan MPS agar semua Ahli Majlis yang telah dilantik dapat memberikan khidmat bakti, komitmen dengan penuh dedikasi dalam menjalankan tugas kepada komuniti di kawasan zon masing-masing.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

En. Mohamad Zin bin Masoad A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

**B.P Pemangku Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang**

28 Jun 2021